

## Pelaksanaan Skim PSPA



Ahli ke hospital panel untuk mendapatkan rawatan

Ahli perlu membawa:  
a. Kad PSPA  
b. Kad pengenalan  
c. Surat rujukan doktor (jika ada)



Ahli mendapat rawatan kesihatan dan perubatan daripada hospital panel

Hospital panel menyemak had tahunan ahli dan mendapatkan Surat Jaminan (GL) daripada SELCARE



Hospital panel menghantar bil tuntutan terakhir kepada SELCARE



Ahli didiscaj daripada hospital panel

*Nota : Ahli perlu menanggung sendiri lebihan caj sekiranya telah melebihi had tahunan.*

+603 5525 6600

+603 5525 6900

pedulisihat.com

Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri Selangor  
Tingkat 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

  
**PEDULI SIHAT**



**PEDULI SIHAT  
PENJAWAT AWAM  
(PSPA)**



*Terunggul di Malaysia  
Hanya di Selangor*

## Penerangan

Skim PEDULI SIHAT PENJAWAT AWAM (PSPA) membolehkan Penjawat Awam Kerajaan Negeri Selangor Gred 44 dan ke bawah untuk menerima rawatan kesihatan dan perubatan daripada hospital panel (hospital swasta). Kos rawatan kesihatan dan perubatan tersebut akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor sehingga RM 10,000 setahun seorang.

Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebanyak RM 3 juta bagi membiayai Skim PSPA yang bakal memberi manfaat kepada 10,000 Penjawat Awam Kerajaan Negeri Selangor.

## Kriteria

Kriteria yang telah ditetapkan bagi Skim PSPA adalah seperti berikut :



Penjawat Awam Kerajaan  
Negeri Selangor Gred 44  
dan ke bawah

< 60

Berumur 60 tahun ke bawah

## Kelebihan Skim PSPA

- Pengecualian polisi "pre-existing condition"
- Pengecualian polisi "specified illnesses"
- Pengecualian polisi "waiting period"
- Pengecualian polisi "co-payment"

## Manfaat

Ahli Skim PSPA akan menerima manfaat pembiayaan rawatan kesihatan dan perubatan seperti berikut :

**RM10,000**

Had rawatan kesihatan  
dan perubatan setahun

**RM10,000**

Faedah kematian  
akibat kemalangan /  
semulajadi

**RM10,000**

Faedah kecacatan  
kekal menyeluruh

Bil	Manfaat	SELCARE
1a	Bilik Hospital & Makan (sehingga 120 hari)	Menurut caj konsisten dengan caj bilik hospital dan makan sehingga RM 120 sehari
1b	Unit Rawatan Rapi (RM500 sehingga 20 hari)	
2	Bekalan dan Perkhidmatan Hospital (seperti bil)	
3	Dewan Bedah	
4	Fi Pembedahan	
5	Fi Bius	
6	Lawatan Doktor Hospital (2 lawatan sehingga 120 hari)	
7	Konsultasi Pakar Pra-Pembedahan (sehingga 60 hari)	
8	Perkhidmatan Diagnostik Pra-Pembedahan (sehingga 60 hari)	
9	Pendapat Kedua Doktor Pakar	
10	Rawatan Pasca-Hospitalisasi (sehingga 60 hari selepas discaj)	
11	Prosedur Rawatan Harian	
12	Fi Ambulans / Laporan Perubatan	
13	Pembayaran Balik Cukai GST	6%
14	Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (sehingga 60 hari rawatan susulan)	seperti bil
15	Rawatan Pergigian Akibat Kemalangan (sehingga 14 hari rawatan susulan)	seperti bil
<b>Had Tahunan (Bil. 1 - 15) - Hospital, Pembedahan, Kecemasan</b>		<b>RM 10,000</b>
16	<b>Kecacatan Kekal Menyeluruh</b>	<b>RM 10,000</b>
17	<b>Kematian Akibat Kemalangan / Semulajadi</b>	<b>RM 10,000</b>

*Nota : Peserta Skim PSPA akan menanggung sendiri lebih caj sekiranya telah melebihi had tahunan seperti yang tertera di atas. SELCARE tidak akan menanggung sebarang tuntutan bayaran oleh peserta Skim PSPA yang telah melebihi had tahunan.*

## Pengecualian Polisi PSPA

- Akibat penerbangan udara
- Kecacatan, kemalangan atau penyakit akibat khidmat tentera darat, laut dan udara
- Kecacatan akibat genetik atau keturunan
- Akibat parsitipasi dalam demonstrasi, rusuhan atau keganasan awam
- Akibat radiasi atau pencemaran radioaktif dari bahan bakar/bahan buangan nuklear
- Akibat bunuh diri atau kemalangan yang disengajakan
- Akibat salah guna alkohol dan ketagihan ubatan/kimia
- Akibat rawatan dental atau pembedahan mulut
- Pemeriksaan rutin mata dan telinga
- Penyakit berkaitan HIV / AIDS
- Pembedahan plastik / kosmetik
- Kos bukan medikal seperti televisyen, telefon dan lain-lain
- Pemeriksaan rutin medikal atau fizikal, terapi fizikal pesakit luar
- Mengandung, keguguran dan insiden berkaitan
- Penyakit psikotik, mental dan sebagainya